

13 APRIL 2018

Lelaki, wanita ditahan bersama senapang dan syabu

Rawang

Lelaki, wanita ditahan bersama senapang dan syabu

Polis menahan seorang lelaki dan wanita di sebuah rumah di Jalan Hijau 6/11, Bandar Tasik Puteri, Isnin lalu, selepas menemui selaras senapang patah dan satu paket syabu di kediaman mereka.

Dalam serbuan jam 10.30 pagi, polis turut menemui empat peluru dan sebatang paip PVC yang diubah suai seperti senjata api.

Sumber berkata, serbuan dijalankan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Gombak selepas menerima maklumat berhubung kegiatan seorang lelaki dalam penyalahgunaan dadah.

“Berdasarkan maklumat diterima, anggota BSJND Gombak membuat pemantauan di kediaman suspek sebelum memperkenalkan diri dan memaklumkan tujuan pemeriksaan.

“Ketika serbuan, ada

seorang lelaki dan wanita di rumah berkenaan. Pemeriksaan lanjut menemui satu paket serbuk putih dipercayai dadah jenis syabu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sumber itu berkata, lebih mengejutkan ketika pemeriksaan di kediaman suspek, pihaknya menemui selaras senapang patah bersama empat peluru.

“Turut ditemui sebatang paip PVC berwarna kelabu diubahsuai menyerupai senjata api. Barang ditemui itu dirampas dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak untuk siasatan lanjut,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua individu dalam rumah berkenaan ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 kerana memiliki senjata api tanpa lesen.